



**KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

**TEKS UCAPAN**

**YB DATUK AARON AGO DAGANG  
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

**SEMPENA**

**MAJLIS PELANCARAN MALAYSIAKU MERDEKA  
PERINGKAT NEGERI MELAKA TAHUN 2024**

**17 OGOS 2024 (SABTU)**

**10.00 PAGI**

**MELAKA INTERNATIONAL TRADE CENTRE (MITC), MELAKA**

## **Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI.**

Terima kasih saudara Pengacara Majlis.

### **SALUTASI**

*\*Salutasi terkini disediakan secara berasingan*

### **PENDAHULUAN**

1. Terlebih dahulu, marilah kita panjatkan rasa kesyukuran kerana dapat berkumpul bersama-sama pada hari ini dalam **Majlis Pelancaran Malaysiaku Merdeka Peringkat Negeri Melaka**.
2. Saya ingin menyampaikan **salam hormat daripada YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara** yang tidak dapat hadir pada pagi ini atas komitmen lain. Justeru, izinkan saya membacakan teks ucapan beliau.
3. **“Malaysia Madani: Jiwa Merdeka”** telah dipilih sebagai tema Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2024. **Malaysia Madani** merupakan tunjang kepada **kemakmuran dan kemajuan negara Malaysia** melalui dukungan **6 nilai teras utama**. **Jiwa Merdeka** adalah penzahiran kepada **kebebasan rakyat Malaysia** daripada sebarang elemen negatif dalam menginterpretasikan semangat patriotisme dan cinta negara melalui pelbagai cara meliputi aspek **pemikiran, integrasi sosial dan ekonomi** seterusnya membentuk satu kesatuan rakyat yang kukuh, harmoni dan progresif.

4. **Secara keseluruhan, Malaysia Madani: Jiwa Merdeka** membawa maksud **perlambangan kesepaduan** secara holistik negara yang maju dan progresif menaungi rakyat yang berbilang kaum, bersatu hati dan teguh jati dirinya.
5. Bagi menyemarakkan lagi sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia, Kementerian Perpaduan Negara dan agensi dibawahnya iaitu Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), Arkib Negara Malaysia (ANM), Jabatan Muzium Malaysia (JMM), Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dan Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan **80 program bermula dari bulan Julai 2024 hingga September 2024.**
6. Sehubungan dengan itu, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) turut mengambil inisiatif untuk melaksanakan **Program Malaysiaku Merdeka** dengan tujuan untuk memperingati nilai kemerdekaan serta meningkatkan semangat patriotisme dan mengukuhkan lagi kefahaman dan pengisian terhadap kemerdekaan dalam kalangan rakyat Malaysia.
7. Hari ini, kita berkumpul bukan sahaja untuk mengenang jasa-jasa pahlawan terdahulu yang telah berkorban jiwa dan raga demi memastikan kebebasan dan kedaulatan negara, tetapi juga untuk menghayati dan memahami makna kemerdekaan dalam konteks dunia moden yang kian mencabar.

Hadirin yang dihormati sekalian,

## PERJUANGAN KEMERDEKAAN NEGARA

8. Malaysia telah mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Tarikh ini kekal menjadi satu tarikh yang bersejarah yang perlu diingati oleh setiap rakyat Malaysia. Kemerdekaan yang dicapai menerusi rundingan yang bijak serta tolak ansur antara pelbagai kaum yang ada adalah satu semangat yang dibanggakan dalam mengekalkan keharmonian negara tercinta.
9. Kemerdekaan yang kita capai pada tarikh tersebut bukanlah sekadar peralihan kuasa daripada penjajah kepada anak watan. Ia adalah satu titik permulaan kepada perjalanan panjang kita sebagai sebuah negara yang bebas, berdaulat, dan bertanggungjawab terhadap masa depan rakyatnya. Dan kini, lebih enam dekad selepas itu, kita berdiri teguh sebagai sebuah negara bangsa yang berkembang pesat dalam pelbagai bidang, termasuk dalam teknologi dan inovasi.
10. Hasil muafakat dan hidup harmoni, kini lebih **70 kumpulan etnik dengan lebih 200 kumpulan sub-etnik**, bahasa dan dialek di Malaysia terus hidup bersatu padu. Kepelbagaian ini diraikan menerusi Perlembagaan Persekutuan di mana semua rakyat Malaysia dijamin perlindungan dan kebebasan untuk mempelajari dan mengamalkan bahasa, budaya dan agama masing-masing, seiring dengan kedudukan istimewa ketamadunan anak watan sebagai acuan pembinaan negara bangsa.

Hadirin yang saya muliakan sekalian,

## **PERPADUAN DALAM KEPELBAGAIAN**

11. Kita sedia maklum, kita berada dalam sebuah negara yang terdiri daripada kepelbagaian kaum, agama, bahasa dan budaya. Kita haris menerima terima hakikat bahawa **kepelbagaian inilah sebenarnya kekuatan kita** yang membolehkan kita berdiri teguh sejak merdeka.
12. Saya juga suka menekankan bahawa usaha mencapai perpaduan merupakan suatu perjalanan yang jauh dan berliku. *The quest for unity is a journey not a destination*. Justeru kita semua mesti sentiasa membetulkan niat untuk memastikan Malaysia kekal sebagai sebuah negara yang kukuh teras perpaduannya, bukan sahaja untuk generasi masa kini, tetapi demi masa depan anak cucu kita kelak.
13. **Perpaduan adalah work-in-progress**. Setiap daripada kita adalah bertanggungjawab dan berperanan menjaga keharmonian sedia ada. **Kekuatan hubungan masyarakat** yang berpaksikan **konsep faham, hormat dan terima** membentuk masyarakat Malaysia yang bersatu padu.
14. Digitalisasi adalah satu anugerah yang besar kepada kita semua. Namun begitu, kita harus berhati-hati bahawa penggunaan teknologi secara tidak terkawal boleh membawa kepada penyalahgunaan maklumat, kehilangan privasi, dan ancaman

kepada keselamatan negara. **Ledakan teknologi mestilah diurus dengan bijak.**

15. Generasi muda kita juga perlu dididik tentang tanggungjawab dan etika dalam penggunaan teknologi. Mereka perlu diajar untuk menjadi pengguna yang bijak dan berwaspada, agar tidak terpengaruh dengan maklumat palsu atau disalahgunakan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.
16. Mempertahankan pengisian kemerdekaan di era digitalisasi ini seharusnya suatu pemudah cara yang melibatkan seluruh organisasi pelaksana sistem kerajaan dan juga pengguna yang merupakan rakyat Malaysia. Kerajaan MADANI sentiasa meletakkan keutamaan digitalisasi dalam setiap agenda dan juga perancangan kerajaan.
17. Ibarat telur sesangkak, pecah sebiji pecah semua. Jangan biarkan 'kuman perpecahan' meruntuhkan kesepaduan yang telah dibina selama ini. Sebaliknya, suburkan dan perkukuhkanlah ia dengan persefahaman dan kerjasama kerana itulah kuncinya!
18. Oleh itu, usaha **penghayatan terhadap cita-cita dan prinsip Rukun Negara hendaklah terus diperkukuhkan dan diterapkan dalam jiwa kita semua.** Kecelikan kefahaman ideologi negara boleh membentuk individu yang mempunyai jati diri, berwawasan, bermaruah dan beretika.

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

## **PENUTUP**

19. Marilah kita bersama-sama memperkukuhkan semangat patriotisme dan cintakan negara dalam kalangan rakyat, sambil memastikan bahawa kita kekal relevan dan berdaya saing dalam era digital ini. **Kemerdekaan bukan sekadar untuk dikenang, tetapi ia adalah amanah yang perlu kita pertahankan dan wariskan kepada generasi akan datang.**
  
20. Semoga program Malaysiaku Merdeka dapat menyemarakkan lagi semangat cintakan negara dan memperkukuhkan kesedaran kita tentang kepentingan memelihara kemerdekaan, bukan sahaja dalam aspek fizikal tetapi juga dalam dunia digital yang semakin mencabar.
  
21. Dengan itu, saya sukacitanya merasmikan **Program Malaysiaku Merdeka Peringkat Negeri Melaka.**

Sekian, terima kasih.